

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan iafu

"Rang Undang-Undang Ahli Parlimen (Saraan)

**UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,**

**SEMASA MENGEMUKAKAN RANG**

**UNDANG-UNDANG BERNAMA "AKTA**

**AHLI-AHLI PARLIMEN (SARAAN)**

**1980" UNTUK BACAAN KALI KEDUA.**

11 - 12 - 1980

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan iaitu

"Rang Undang-Undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

2. Tuan Yang Di-Pertua, sudah lama benar perkara saraan, elaun, kemudahan, pencen, kemudahan-kemudahan yang lain serta dinaikkan ganjaran, faedah kemalangan dan lain-lain, yang dibayar dan diberi kepada Ahli-Ahli Parlimen, Yang Di-Pertua - Yang Di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta Anggota Pentadbiran, tidak dikaji semula secara menyeluruh.

...2/-

2.

3. Dalam tahun 1976, gaji dan kemudahan-kemudahan bagi kakitangan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, Polis dan Angkatan Tentera telah dinaikkan dan diperbaiki. Mulai daripada satu haribulan Julai ini, gaji, pencen, ganjaran dan kemudahan-kemudahan yang lain <sup>akan</sup> ~~telah~~ dinaikkan dan diperbaiki lagi bagi anggota-anggota tersebut.

4. Tujuan Utama Rang Undang-Undang ini, ialah hendak memperbaiki saraan, elaun, pencen, faedah kemalangan dan lain-lain, bagi Ahli-Ahli Parlimen sebagaimana yang terkandung di dalam Rang Undang-Undang ini.

... 3/-

3.

5. Tuan Yang Di-Pertua. Sebagaimana kita semua mengetahui, tugas dan tanggungjawab Ahli-Ahli Parlimen sekarang ini, amatlah berat. Demokrasi Berparlimen yang ujud di negara kita, tidak akan berjalan dengan memuaskan, jika Ahli-Ahli Parlimen tidak menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan sepenuh masa. Kebanyakan Ahli-Ahli Parlimen bukanlah orang-orang yang berada. Mereka hendaklah dibantu dengan saraan dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian. Perbelanjaan mereka sebagai wakil rakyat, adalah banyak. Ini kita semua mengetahuinya. Bagitulah juga dengan keadaan

...4/-

4.

Anggota Pentadbiran. Tugas dan tanggungjawab gulungan ini, tentulah lebih banyak dan berat lagi, oleh kerana mereka itu mentadbirkan negara.

6. Tuan Yang Di-Pertua. Tidaklah payah saya menyebut satu persatunya, peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Rang Undang-Undang ini. Tujuan-tujuan peruntukan-peruntukan itu, telah dijelaskan sedikit sebanyak di dalam Huraian kepada Rang Undang-Undang ini.

7. Rang Undang-Undang ini adalah membuat peruntukan gaji, elaun bulanan Ahli-Ahli Parlimen,

...5/-

5.

dan faedah kemalangan dan faedah pencen  
sahaja. Elaun-elaun lain dan kemudahan-  
kemudahan lain, akan dilaksanakan secara  
Arahan Yang di-Pertuan Agong atau Kabinet,  
mengikut yang mana berkenaan.

8. Tuan Yang Di-Pertua, saya mohon  
mencadangkan.

\*\*\*\*\*





\*\*\*\*\*

No. Siri	508
No. Penerimaan	112/81